

## Amerika Syarikat Mahukan Hubungan Kukuh di Asia-Pasifik

Oleh Merle David Kellerhals Jr.

Penulis Staf



Presiden Obama di Tokyo.

Washington —Amerika Syarikat mahukan era baru penglibatan yang lebih kukuh di rantau Asia-Pasifik berdasarkan kepentingan bersama dan hormat menghormati, kata Presiden Obama.

Sebagai sebuah negara di Asia-Pasifik, Amerika Syarikat akan terlibat dalam perbincangan yang akan membentuk masa depan rantau tersebut, dan terlibat sepenuhnya dalam organisasi pelbagai hala dalam masa rantau ini berkembang menghadapi cabaran abad ke-21, kata Obama dalam ucaptamanya kepada negara-negara Asia Timur di Tokyo pada 14 November.

Presiden dalam lawatan embilan hari ke empat negara Asia untuk berjumpa dengan pemimpin forum Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC) dan 10 negara Persatuan Negara-negara Asia Tenggara di Singapura, juga perbincangan langsung dengan pemimpin Jepun, China dan Korea Selatan.

Lawatan beliau termasuk perjumpaan dua hala dengan pemimpin dari Singapura dan Indonesia dan satu perjumpaan dengan Presiden Rusia Dmitry Medvedev di luar forum APEC. Isu menyeluruh yang dibincangkan termasuk pengembangan nuklear kepada perubahan iklim dan hak asasi manusia, menurut penasihat Rumah Putih.

Obama mengakui bahawa dalam beberapa tahun kebelakangan ini Amerika Syarikat kurang terlibat dalam rundingan keselamatan pelbagai hala dan pertumbuhan-pertumbuhan ekonomi di Asia Timur, tetapi beliau menekankan dalam ucapannya kepada 1.500 tetamu di Suntory Hall bahawa hari-hari tersebut sudah berlalu.

Persinggahan pertama beliau adalah Tokyo untuk rundingan dengan Perdana Menteri Jepun Yukio Hatoyama tentang hubungan AS-Jepun sebelum berlepas ke Singapura. Obama menganggap hubungan dengan Jepun sebagai landasan bagi penglibatan AS di seluruh rantau Asia-Pasifik.

“Kami mencari hubungan yang lebih dalam dan luas kerana kami tahu masa depan bersama kami bergantung kepadanya,” beliau berkata.

## **KEBANGKITAN CHINA**

Ketika bercakap kepada hadirin di rantau ini, Obama menggariskan wawasan bagi hubungan A.S.-China yang tertumpu kepada kepentingan bersama dan kerjasama praktikal.

"Kami mengalu-alukan usaha China untuk memainkan peranan lebih besar di pentas dunia – peranan di mana pertumbuhan ekonomi mereka disertai bersama tanggungjawab yang bertambah," kata Obama.

China menjadi tuan rumah bagi proses Perbincangan Enam Pihak yang dibuat untuk meyakinkan regim Korea Utara menghentikan pembangunan program senjata nuklear dan misil jarak jauh. China juga menggalakkan keamanan dan kestabilan di Afghanistan dan Pakistan, dan sangat komited untuk dunia yang menyekat pengembangan senjata, kata Obama. China juga telah menjadi peserta aktif dalam Kumpulan 20 negara maju dan ekonomi baru yang sudah bermesyuarat sejak November 2008 untuk mencari jalan bagi mengakhiri krisis ekonomi global dengan proses pemulihan yang cepat.

"Amerika Syarikat tidak mahu menyekat China, begitu juga hubungan yang lebih mendalam dengan China tidak bererti akan melemahkan hubungan hubungan dua hala kami," katanya. "Sebaliknya, kebangkitan China yang kuat dan makmur boleh menjadi sumber kekuatan bagi komuniti dunia."

## **HUBUNGAN A.S.-ASIA**

Obama mengatakan isu pertama yang perlu dihadapi oleh negara-negara di Asia-Pasifik ialah memperkukuhkan pemulihan ekonomi global dengan pertumbuhan yang seimbang dan berterusan. Negara-negara kuasa ekonomi harus mengelakkan kitaran pertumbuhan dan penyusutan cepat yang membawa kepada krisis ekonomi masa ini, kata Presiden. Salah satu pelajaran berharga daripada krisis ekonomi adalah ekonomi global tidak harus bergantung kepada ekonomi AS yang didorong oleh perbelanjaan konsumer dan ekonomi Asia yang didorong oleh eksport.

Mesyuarat negara-negara G20 baru-baru ini di Pittsburgh mengakui bahawa strategi baru yang menumpukan kepada pertumbuhan ekonomi seimbang di antara negara-negara lebih berkesan daripada strategi pada masa lalu untuk mengelakkan kitaran pertumbuhan dan penguncupan, kata Obama. Bagi Amerika Syarikat, strategi baru ini bererti lebih banyak menabung dan lebih kurang berbelanja, mengubah sistem kewangan dan mengurangkan defisit jangka panjang. Pengurangan defisit menjadi kebimbangan utama China dan negara lain yang melabur di dalam sekuriti AS.

"Bagi Asia, mendapatkan keseimbangan ini memberikan peluang bagi para pekerja dan pelanggan untuk menikmati taraf hidup yang lebih tinggi yang disebabkan oleh peningkatan produktiviti luar biasa mereka," kata Obama.

"Berdekad-dekad lamanya, Amerika Syarikat memiliki salah satu pasaran yang paling terbuka di dunia, dan keterbukaan ini telah membantu kejayaan banyak negara lain di rantau ini dan rantau lain pada abad terakhir," katanya. "Dalam era baru ini, membuka pasaran-pasaran lain di seluruh dunia menjadi penting tidak hanya untuk kemakmuran Amerika, tetapi untuk dunia."

## **SEKATAN PENGEMBANGAN NUKLEAR**

Obama memberitahu penduduk Asia Timur bahwa peningkatan perlombaan senjata nuklear di rantau ini akan melemahkan keamanan dan kemakmuran yang telah berkembang berdekad lamanya. Sebagai sebahagian daripada wawasan Obama bagi dunia yang bebas nuklear, Amerika Syarikat dan Russia sedang merundingkan perjanjian baru bagi menggantikan Perjanjian Pengurangan Senjata Strategik atau START I. Ini merangkumi pengurangan persenjataan nuklear secara drastic dan cara-cara untuk melaksanakannya.

Obama berkata bahawa pengukuhan regim yang menyekat pengembangan nuclear bukan ditujukan kepada mana-mana negara tertentu, tetapi kepada semua negara untuk memenuhi tanggungjawab mereka, termasuk Korea Utara dan Iran.

"Berdekad-dekad lamanya, Korea Utara telah memilih jalan konfrontasi dan provokasi, termasuk membangunkan senjata nuklear," kata Obama. "Kami tidak akan takut dengan ancaman, dan kami akan terus menghantar mesej yang jelas melalui tindakan dan bukan hanya kata-kata: keengganan Korea Utara memenuhi kewajipan-kewajipan antarabangsa hanya akan membawa kepada kelemahan dalam keselamatan - tidak lebih daripada itu."

Amerika Syarikat dan rakan-rakannya sudah bersedia untuk menawarkan satu jalan dan masa depan yang lebih baik kepada Korea Utara, kata Obama.